



Memahami perangkap istidraj

Melihat legasi ditinggalkan Dinasti Firaun di kawasan Piramid dan Abul Haul (Sphinx) yang lebih berusia lebih 2,000 tahun yang berakhir dengan tenggelamnya Firaun yang terakhir di Laut Merah, menggamit renungan sekitar Istidraj.

Piramid yang menjadi tempat persemadian keturunan Firaun yang berkuasa di bumi Mesir purba, adalah lambang kekuasaan manusia terbatas dan tidak kekal kerana semua manusia tidak kira raja atau hamba akan mati.

Agak menarik juga apabila penjaga biara memberitahu penulis bahawa tempat yang tidak jauh dari piramid yang tersergam itu adalah tempat Firaun sembahyang setiap pagi mengarah matahari naik dan petang mengarah matahari terbenam.

Agak pelik juga apabila mendengar Firaun sembahyang sedangkan di dalam al-Quran ada disebutkan Firaun mengaku Tuhan, mungkin dalam hati kecil Firaun masih merasakan ada kekurangannya walaupun dia berlagak sombong menentang risalah Nabi Musa AS.

Di dalam al-Quran dijelaskan pada saat terakhir Firaun akan karam, dia mengaku dan ingin bertaubat mengaku keesaan Tuhan tetapi taubatnya tidak diterima dan dia dan tenteranya menemui ajal mereka di Laut Merah semasa mengejar tentera Nabi Musa AS.

Daripada Uqbah bin Amir, Rasulullah SAW bersabda yang mafhumnya: "Apabila kamu melihat bahawa Allah memberi berkat kepada hamba-hamba-Nya yang selalu melakukan dosa (tidak taat), ketahuilah bahawa dia telah diistidrajkan oleh Allah." - (Hadis riwayat At-Tabarani, Ahmad dan Al-Bayhaqi)

Istidraj itu bermaksud ia adalah pemberian nikmat Allah SWT kepada manusia tetapi apa yang dianugerahkan itu sebagai satu bentuk pemberian yang tidak diredai-Nya yang akan menjerumuskan penerima nikmat itu ke dalam jurang kebinasaan.

Sejarah sepanjang zaman menunjukkan, manusia yang durhaka dan sering berbuat maksiat yang terkeliru dengan pemikirannya merasakan bahawa nikmat yang datang kepadanya adalah kerana Allah SWT beserta dan kasih dengan perbuatan maksiat mereka.

Manusia yang ditimpakan istidraj adalah manusia yang teruja dengan dirinya sendiri lupa daratan, walaupun berbuat maksiat, dia merasa Allah SWT menyayanginya dan memandang hina kepada orang lain yang beramal dengan baik.

Istidraj ditakrifkan sebagai suatu

keadaan apabila seseorang terus mendapat berkah daripada Allah SWT dalam hal kejayaan, wang dan segala macam perkara dunia yang berlimpah dan berterusan dalam hidupnya walaupun dia bukan hamba Allah yang taat.

Orang yang melakukan segala jenis perbuatan berdosa dan tidak pernah meminta keampunan daripada Allah SWT yang menyeretnya agar lebih jauh daripada agama dan tanpa menyedari segala kenikmatan yang diterima adalah istidraj.

Firaun hidup dalam keadaan serba mewah dengan nikmat pemberian Allah SWT yang tidak terkira, tidak pernah sakit, bersin pun tidak pernah kerana Allah berikannya nikmat kesihatan dan sampai rasa angkuh dan besar diri lantas mengaku dirinya tuhan dan nikmat itulah yang membinasakannya.

Namrud juga adalah maharaja yang angkuh lantas cuba membakar Nabi Ibrahim AS untuk menunjukkan kekuasaannya dan begitu sombong untuk menerima seruan Nabi Ibrahim dan akhirnya menemui ajalnya hanya disebabkan seekor nyamuk masuk ke dalam lubang hidungnya.

Masih ada juga orang yang ragu kerana kalau kita hendak dapat kebahagiaan di dunia dan akhirat kita mesti mengikuti jejak langkah Rasulullah SAW dan berpegang

teguh pada agama dan beramal dengan segala suruhan dan menjauhi larangan-Nya untuk mencapai kebahagiaan dan keretaan Allah SWT.

Tetapi bagaimana dengan orang yang solat lima waktu sehari semalam, bangun tengah malam bertahajud, puasa bukan ketika Ramadan saja, bahkan Isnin, Khamis dan puasa sunat yang lain dan hidup mereka biasa saja dan masih hidup susah.

Sedangkan ada pula orang yang seumur hidup tidak solat, puasa pun tidak pernah, rumahnya tersergam indah, kereta mewah menjalar, duit banyak, dia boleh hidup kaya dan mewah lantas orang yang begini kelihatan bahagia tetapi ia adalah tipuan dan satu istidraj.

Orang yang teruja dan terpedaya dengan kemampuan diri sendiri tanpa menyandarkan kepada kekuasaan Allah SWT dan tidak payah beribadat pun, rezeki datang mencurah-curah, itu adalah berperasaan ujub dan riak yang menyelip tanpa menyedari Allah SWT memberikan nikmat yang banyak dengan tujuan untuk menghancurkannya.

Kita semua tahu bahawa mereka yang melakukan perbuatan baik, taat kepada suruhan Allah SWT akan dimudahkan laluan mereka untuk berjaya, tetapi kita tahu beberapa

orang yang tidak mendirikan solat mempunyai perniagaan mantap, sebaliknya orang yang taat masih menghadapi halangan besar dalam kehidupan.

Apabila kita gagal melakukan sesuatu, ia tidak bermakna kita akan terus gagal dalam hidup kita tetapi kita kena teruskan usaha yang baik, Insya-Allah, Allah adalah yang paling mengasihani, kita harus yakin Dia pasti akan memberikan sesuatu yang bermakna dalam hidup kita.

Istidraj adalah keluarbiasaan yang menambah keburukan, kehinaan dan kebinasaan atas mereka yang mendapat keluarbiasaan itu, hingga sampai masa Allah SWT membinasakan mereka dan ia berlaku dalam keadaan mereka lupa dan tatkala Allah SWT menghukum mereka, tiada siapa yang boleh menolong.

Istidraj boleh berlaku kepada seseorang yang menuntut ilmu hitam (sihir/kedukunan/ ilmu batin/ilmu sesat dan sebagainya) dan biasanya seseorang yang menuntut ilmu hitam menggunakan khidmat jin hingga menjadikan seseorang memiliki kelebihan luar biasa seperti kebal, boleh ghaib serta mempunyai ilmu kebatinan yang sesat.

Pemimpin yang berkuasa dan menzalimi rakyat juga tergolong dalam kategori mendapat istidraj kerana walaupun melakukan

kezaliman dan penyelewengan pemimpin seperti ini tetap mendapat sokongan, kuasa dan pengaruh dan tidak mudah untuk menggugat kedudukan kekuasaannya.

Istidraj datang beransur-ansur memang luar biasa dan tujuannya adalah untuk membinasakan manusia yang menerimanya lantaran kejahatan dan kezaliman mendustakan ayat-ayat-Nya namun semakin buruk prestasi kumpulan itu, sokongan yang diterima semakin padu.

Memang istidraj juga berlaku kepada orang yang memiliki harta serta kekayaan dan apabila seseorang ahli maksiat, suka minum arak, berzina, menipu, mengambil riba dan meninggalkan solat dan puasa tetapi diberikan oleh Allah SWT kemewahan, kekayaan, perniagaan maju semuanya tidak kekal.

Golongan yang diistidraj ini akan melihat anak-anak berjaya dalam kerjaya masing-masing, rumah banglo, kereta mewah ini semuanya adalah istidraj daripada segi harta dan kekayaan serta melalui kehidupan yang tidak berkat menunggu ketentuan Allah menurunkan musibah dan bala, waiyyazubillah.

Penulis adalah Bekas Pegawai Perhubungan Akhbar TUDM di Kementerian Pertahanan

Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

